

Najman bersama logo baharu TDM di Wisma TDM, Kuala Terengganu, hari ini.

# Dua hospital TDM bakal dibina tahun depan

Oleh KAMALIZA KAMARUDDIN 12 Mei 2023, 12:02 pm

KUALA TERENGGANU – Kumpulan TDM Berhad yang merupakan anak syarikat milik kerajaan negeri Terengganu bakal memperluaskan lagi segmen penjagaan kesihatan dengan pembinaan dua buah hospital baharu pada tahun depan.

Pengarah Eksekutif TDM, Najman Kamaruddin berkata, lokasi hospital terbabit adalah di Chukai, Kemaman dan Kota Bharu, Kelantan.

Beliau berkata, TDM Berhad telah merekodkan pertumbuhan positif segmen penjagaan kesihatan dengan peningkatan sebanyak 24 peratus pada tahun lalu.

"Perolehan sebanyak RM278.7 juta itu merupakan pencapaian tertinggi pernah dicapai segmen penjagaan kesihatan TDM.

"Oleh itu, kita optimis pembinaan dua buah hospital baharu tersebut bakal menjadi pemangkin yang signifikan terhadap pendapatan keseluruhan syarikat," katanya di Wisma TDM, di sini hari ini.

Najman berkata, hospital baharu di Chukai menyediakan 100 katil dengan anggaran kos pembinaan sebanyak RM60 juta.

Beliau berkata, buat masa ini, TDM memiliki lima hospital pakar di bawah kelolaan Kumpulan Medic Iman Sdn Bhd (KMI Healthcare) di Kelana Jaya, Selangor; Kuantan, Pahang; Kuala Terengganu; Taman Desa, Kuala Lumpur dan Tawau, Sabah. – KOSMO! ONLINE

POPULAR


Habis kereta kena 'sagat' di MRT Cyberjaya
30 Mei 2023, 12:16 pm


Anwar nafi PH tawar Pas sertai Kerajaan Perpaduan
30 Mei 2023, 12:10 pm


Reen Rahim bengang dituduh sombong
30 Mei 2023, 12:04 pm


EPL: Lampard lepas geram selar pemain Chelsea
30 Mei 2023, 12:00 pm

BERITA BERKAITAN


Habis kereta kena 'sagat' di MRT Cyberjaya
30 Mei 2023, 12:16 pm


Laksanakan pemulihan dadah secara kolektif
30 Mei 2023, 12:00 pm


3 lagi ditahan kes pelajar sekolah gaduh
30 Mei 2023, 11:51 am


Pelajar sekolah maut motosikal bertembung
30 Mei 2023, 11:16 am



Hak cipta terpelihara © 2023 Media Mulia Sdn. Bhd. Terma dan Syarat Hubungi Kami

Privacy & Cookies Policy